



GREENSHIPPING



SIDANG PENGARANG

PENASIHAT

YBhg Dato' Baharin Bin Dato' Abdul Hamid

KETUA EDITOR

Encik Mohd Azhan Bin Abdullah

EDITOR / REKA BENTUK

Encik Egbert Adolf Naintin

Puan Reeta Francis

Puan Norhayati Binti Ibrahim

Encik Muhammad Zulhafeez Bin Shaidin

URUS SETIA

Puan Sharifah Taherah Binti Shabbir Ahmad

Puan Siti Norparlila Binti Sidek

Unit Korporat

Ibu Pejabat Jabatan Laut Malaysia,

Peti Surat 12, Jalan Limbungan,

42007 Pelabuhan Klang, Selangor

Telefon: 603-33467620

Fax: 603-31685289



[jabatanlaut](https://www.instagram.com/jabatanlaut)



[@lautmy](https://twitter.com/@lautmy)



[JabatanLautMalaysia](https://www.facebook.com/JabatanLautMalaysia)

Like & Share

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN IBU PEJABAT LAUT



10 FEBRUARI 2020 (ISNIN), IBU PEJABAT LAUT AMANAT KETUA PENGARAH LAUT (KPL)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Salam Sejahtera,

**SALAM
TAKZIAH**

Salam takziah saya ucapkan diatas pemergian En. Mohamed Zamri bin Yaacob, Ketua Pejabat Laut Mersing yang telah kembali ke rahmatullah pada 08 Febuari 2020 dan Ibu kepada Encik Muhammad Shuhaimi bin Abd Rahman dari Bahagian Kawalan Industri Maritim (BKIM), Sektor Operasi, Ibu Pejabat Laut pada 07 Februari 2020. Semoga Allahyarham dan Allahyarhamah ditempatkan bersama golongan yang beriman dan diredhaiNya.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pegawai-pegawai JLM yang dinaikkan pangkat dan ditempatkan dibahagian/ wilayah baharu berkuatkuasa 5 Februari 2020. Pegawai yang terlibat ialah:

Kapten Nazri Bin Abu Hassan, memangku gred AL54 ditempatkan sebagai Pengarah Bahagian Pembangunan Perkapalan dan Pelaut, Ibu Pejabat Laut

Encik Mohammad Hisham bin Ali, memangku Gred AL52, ditempatkan di Jabatan Laut Wilayah Utara

Kapten Saat bin Sanusir, memangku Gred AL48, ditempatkan di Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan

Syabas juga kepada pegawai-pegawai berikut atas pengesahan jawatan ke AL54 bermula 16.10.2019. Pegawai yang terlibat ialah:

Tuan Haji Mohd Hafiz bin Abdul Majid, Pengarah Laut Wilayah Utara

Encik Norjipin bin Saidi, Pengarah Laut Wilayah Sabah

Encik Mohamad Marzuki bin Brahim, Pengarah Laut Wilayah Sarawak

Encik Arumugam A/L V.S. Subramaniam, Pengarah Bahagian Operasi Maritim

Encik Nordin bin Mohamadin, Pengarah Bahagian Pelabuhan, Logistik dan Perdagangan

Harapan saya ialah dengan kenaikan pangkat dan penempatan pegawai ini dapat meningkatkan lagi kerjasama dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam Jabatan Laut.

**KENAIKAN
PANGKAT**



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share

AMANAT KETUA PENGARAH LAUT (KPL)



PROGRAM TRANSFORMASI MINDA


PEGAWAI BAHARU

Pada waktu ini , seramai 54 Pegawai Laut dan Penolong Pegawai Laut yang sedang mengikuti Program Transformasi Minda. Pegawai-pegawai baru ini akan lapor diri dibahagian dan wilayah masing-masing pada 17 Feb 2020. Diharapkan dengan pengisian ini dapat melengkapkan kapasiti JLM sebagai satu pasukan bagi mencapai visi dan misi JLM.

Mengenai penularan Wabak Coronavirus. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengumumkan penularan Koronavirus darurat kesihatan awam global. Dalam usaha untuk membendung penularan Novel Coronavirus (2019-nCoV) di Malaysia, Jabatan Laut Malaysia (JLM) akan mengambil langkah-langkah seperti penangguhan perjalanan ke negara China samada atas urusan rasmi ataupun persendirian. Saya ingin memaklumkan sebarang permohonan keluar ke negara China tidak akan dipertimbangkan pada masa ini.

Sehubungan itu, saya memohon agar semua warga JLM sentiasa berwaspada dan mengambil langkah-langkah perlindungan bagi mengelakkan penularan ini.

Inilah waktu yang penting untuk kita bersama-sama mengambil kira aspek penjagaan kesihatan diri agar semua warga JLM sentiasa sihat dan tidak terdedah dengan Wabak Coronavirus ini.



COVID 19



Penganjuran Persidangan Diplomatik pada 25-28 Februari 2020 mengenai penukaran status IALA dari status NGO ke IGO.

Persidangan ini merupakan satu persidangan antarabangsa yang penting bagi melahirkan satu organisasi yang baru berbentuk kerajaan. Ramai pegawai JLM terlibat dalam persidangan tersebut. Sehubungan itu, saya berharap agar pegawai-pegawai yang terlibat dapat memberikan komitmen yang penuh bagi menjayakan persidangan ini.

Mesyuarat Panel Pengurusan Sumber Manusia IPL telah diadakan pada 23 Januari 2020. Sehubungan itu, tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang telah berjaya. Semoga Anugerah ini dapat menjadi pendorong kepada anda dan warga Jabatan Laut dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik.



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share

AKTIVITI JABATAN LAUT MALAYSIA

01 Februari 2020

Swettenham Pier Cruise Terminal - Majlis Pelancaran Projek Naik Taraf Swettenham Pier Cruise Terminal yang dirasmikan oleh YB Ketua Menteri Pulau Pinang dihadiri Pengarah Laut Wilayah Utara.

Kuala Lumpur - Majlis Pelancaran Guideline for Offshore Floating Facilities (GOFF) dirasmikan oleh YBhg Timbalan Ketua Pengarah Laut (Perancangan).

03 Februari 2020

03-04 Februari 2020

Terengganu - Sesi Engagement berhubung "Awareness Course" bagi pelaksanaan SOP Hebahan Awalan Maklumat Kecemasan, SOP Pematuhan Pengoperasian Bagi AIS Di Atas Kapal dan Penggunaan Asas Sistem "E-Navigation".

Primary Base & Floating Base Jabatan Laut Wilayah Tengah, Pelabuhan Klang - Bengkel Kemahiran & Penyelenggaraan Alatan Melawan Tumpahan Minyak Jabatan Laut Wilayah Tengah.

03-05 Februari 2020

04 Februari 2020

Batu Pahat - Sesi Libat Urus Jabatan Laut Malaysia Bersama Pengusaha, Pemain Industri Dan Operator Berkenaan Isu Barter Trade dirasmikan oleh YBhg Ketua Pengarah Laut

Batu Uban, Pulau Pinang - Lawatan Port Health Officer Pulau Pinang ke Marina Batu Uban dan kapal layar yang berlabuh didalamnya bagi ujilari SOP menghadapi wabak coronavirus.

05 Februari 2020

06 Februari 2020

Kota Kinabalu - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Undang-undang Laut (JPUUL) dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Baharin Bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia

Kota Kinabalu - Mesyuarat Laporan Kemalangan Kapal bagi tahun 2018-2019 dipengerusikan oleh YBhg Dato' Baharin Bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia.

07 Februari 2020



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share

AKTIVITI JABATAN LAUT MALAYSIA

10 Februari 2020

Terminal Feri Antarabangsa Kukup - Program Lawatan Persiapan dan Persediaan Kesihatan, Pengarah Jabatan Laut Wilayah Selatan bersama YB Solihan Exco Pengangkutan.

12 Februari 2020

Pulau Pinang - Lawatan Pengurusan Marina Tioman ke Marina Batu Uban, Pulau Pinang untuk berkongsi maklumat mengenai operasi dan pengurusan harian.

13 Februari 2020

Manila, Filipina - The 17th ASEAN-JAPAN Port Technology Group Meeting

14 Februari 2020

Sandakan - Ketua Pejabat Laut Sandakan, Jabatan Laut Malaysia, Wilayah Sabah telah membuat lawatan kepada mangsa kemalangan bot di Sandakan

18 Februari 2020

Johor - Perhimpunan bulanan Jabatan Laut Wilayah Selatan dan perjumpaan khas YBhg Ketua Pengarah Laut bersama Pembantu Laut

19 Februari 2020

MATRIN - Sesi libat urus Jabatan Laut Malaysia bersama pihak berkepentingan dalam operasi LNG Bunkering berkenaan Garis Panduan LNG Bunker (Latihan dan Kompetensi) dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Perkapalan dan Pelaut

26 Februari 2020

MATRIN - Majlis Perasmian Technical Workshop on The Aids to Navigation in the Straits of Malacca & Singapore disempurnakan oleh Pengarah Maritime Training Institute, Jabatan Laut Malaysia (MATRAIN).

27 Februari 2020

MATRIN - Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN) menerima kunjungan menteri dari 3 buah negara yang membuat lawatan ke bangunan Pusat Latihan "Vessel Traffic Services"(VTS) Simulator.



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share

AKTIVITI-AKTIVITI



01 Februari 2020 (Sabtu), Swettenham Pier Cruise Terminal - Tn Hj Mohd Hafiz Bin Abdul Majid, Pengarah Jabatan Laut Wilayah Utara telah menghadiri Majlis Pelancaran Projek Naik Taraf Swettenham Pier Cruise Terminal yang dirasmikan oleh YB Ketua Menteri Pulau Pinang.

03 Februari 2020 (Isnin), Kuala Lumpur - Majlis Pelancaran Guideline for Offshore Floating Facilities (GOFF) yang dirasmikan oleh YBhg Dato' Hazman Bin Hussein, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) bertempat di Petroleum Club, Tingkat 43, Menara Berkembar Petronas.



03 - 04 Februari 2020 (Isnin - Selasa), Terengganu - Sesi engagement Bahagian Pengurusan Trafik Dan Bantuan Pelayaran (BPTBP), Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur bersama Bahagian Keselamatan Pelayaran Dan Komunikasi Maritim (Navcom), Ibu Pejabat Laut berhubung "Awareness Course" bagi pelaksanaan SOP Hebahan Awalan Maklumat Kecemasan, SOP Pematuhan Pengoperasian Bagi AIS Di Atas Kapal dan Penggunaan Asas Sistem "E-Navigation".



03 - 05 Februari 2020 (Isnin - Rabu), Primary Base & Floating Base Jabatan Laut Wilayah Tengah, Pelabuhan Klang - Bengkel Kemahiran & Penyelenggaraan Alatan Melawan Tumpahan Minyak Jabatan Laut Wilayah Tengah.



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share

AKTIVITI-AKTIVITI

04 Februari 2020 (Selasa), Batu Pahat - Sesi Libat Urus Jabatan Laut Malaysia Bersama Pengusaha, Pemain Industri Dan Operator Berkenaan Isu Barter Trade dirasmikan oleh YBhg Dato' Baharin Bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Laut



05 Februari 2020 (Rabu), Batu Uban, Pulau Pinang - Lawatan Port Health Officer Pulau Pinang ke Marina Batu Uban dan kapal layar yang berlabuh di dalamnya bagi ujilari SOP menghadapi wabak coronavirus.



06 Februari 2020 (Khamis), Kota Kinabalu - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Undang-undang Laut (JPUUL) dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Baharin Bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share

AKTIVITI-AKTIVITI

10 Februari 2020 (Isnin), Terminal Feri Antarabangsa Kukup - Program Lawatan Persiapan dan Persediaan Kesihatan di Terminal Feri Antarabangsa Kukup oleh Tn Hj Dickson, Pengarah Jabatan Laut Wilayah Selatan bersama YB Solihan Exco Pengangkutan.



13 Februari 2020 (Khamis), Manila, Filipina - The 17th ASEAN-JAPAN Port Technology Group Meeting telah diadakan bagi membincangkan teknologi di negara ASEAN dan Jepun dalam pelaksanaan kerja-kerja pengerukan serta permasalahan yang dihadapi serta membincangkan kaedah-kaedah untuk mengatasinya.



14 Februari 2020 (Jumaat), Sandakan - Ketua Pejabat Laut Sandakan, Jabatan Laut Malaysia, Wilayah Sabah telah membuat lawatan kepada mangsa kemalangan bot di Sandakan (13 Februari 2020).



12 Februari 2020 (Rabu), Pulau Pinang - Lawatan Pengurusan Marina Tioman ke Marina Batu Uban, Pulau Pinang untuk berkongsi maklumat mengenai operasi dan pengurusan harian.



18 Februari 2020 (Selasa), Johor - Perhimpunan bulanan Jabatan Laut Wilayah Selatan dan perjumpaan khas YBhg Dato' Baharin Bin Dato' Abdul Hamid selaku Ketua Pengarah Laut bersama pembantu laut.



AKTIVITI-AKTIVITI

19 Februari 2020 (Rabu), MATRAIN - Sesi libat urus Jabatan Laut Malaysia bersama pihak berkepentingan dalam operasi LNG Bunkering berkenaan Garis Panduan LNG Bunker (Latihan dan Kompetensi) dirasmikan oleh YBrs. Kapt. Nazri B. Abu Hassan - Pengarah Bahagian Pembangunan Perkapalan dan Pelaut.



26 Februari - 06 Mac 2020, MATRAIN - Majlis Perasmian Technical Workshop on The Aids to Navigation in the Straits of Malacca & Singapore disempurnakan oleh Dr. Julyus Mobilik, Pengarah Maritime Training Institute, Jabatan Laut Malaysia (MATRAIN) .



27 Februari 2020 (Khamis), MATRAIN - Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN) menerima kunjungan menteri dari 3 buah negara yang membuat lawatan ke bangunan Pusat Latihan "Vessel Traffic Services"(VTS) Simulator .



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share



JABATAN LAUT MALAYSIA

IBU PEJABAT LAUT
PETI SURAT 12, JALAN LIMBUNGAN
42007 PELABUHAN KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA
TEL : 603-3346 7777
FAKS : 603-3168 5289
LAMAM WEB : www.marine.gov.my



KENYATAAN MEDIA

ISU DIMUAT NAIK OLEH PENGGUNA MEDIA SOSIAL DI LAMAN FACEBOOK BERKENAAN "KAPAL DARI WUHAN *LANDING* DI KUALA LINGGI"

Kenyataan media ini merujuk kepada Kenyataan Media Pengarah Kesihatan Negeri Melaka dan kenyataan yang dimuat naik di laman sosial Facebook Geng ViRal MeLaKa oleh individu yang menggunakan nama "Shahrol Sundara" berkenaan kononnya krew kapal dari Wuhan telah memasuki Melaka melalui Pelabuhan Kuala Linggi di Alor Gajah, Melaka.

Jabatan Laut Malaysia (JLM) ingin menjelaskan bahawa JLM komited dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah/Negeri dan Pihak Berkuasa Kesihatan Pelabuhan untuk memantau anak kapal dari negara berisiko yang memasuki negara melalui laluan Terminal Penumpang Antarabangsa dan Pelabuhan. Saringan kesihatan ke atas anak kapal dari negara berisiko terutamanya negara China adalah merupakan aktiviti tetap bagi pencegahan dan kawalan kemasukan virus 2019-nCoV.

Kapal tersebut yang tiba di Had Kuala Linggi hanya melakukan aktiviti sign-off lima (5) orang anak kapal dengan pemantauan Pejabat Kesihatan Daerah Alor Gajah. Kesemua anak kapal yang sign-off adalah terdiri daripada warganegara Greece dan Filipina. Oleh itu, berdasarkan rekod JLM kenyataan yang dimuat naik di laman sosial Facebook Geng ViRal MeLaKa adalah bercanggah sama sekali. Sehubungan dengan itu pihak JLM meminta semua lapisan masyarakat agar sentiasa berhati-hati dan tidak menularkan sebarang berita tidak benar yang boleh menimbulkan kebimbangan di kalangan masyarakat.

Orang ramai dinasihatkan merujuk kepada Kenyataan Kementerian Kesihatan dan Pejabat Kesihatan Daerah/ Negeri dalam memastikan maklumat yang diperolehi adalah benar. JLM akan sentiasa memantau dan bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan dalam mengekang dan membantu pencegahan kemasukan virus 2019-nCoV di Malaysia.

UNIT KORPORAT,

JABATAN LAUT MALAYSIA.

06 FEBRUARI 2020



MALAYSIAGAZETTE



MELAKAKINI



| BERSAMA TANGANI WABAK COVID-19

Kenali Gejala:



Demam



Batuk



Sesak nafas



Dapatkan bantuan perubatan sekiranya:

- ✓ Mengalami gejala di atas
- ✓ Berhubung rapat dengan pesakit positif
- ✓ Pernah pergi ke negara yang mengalami wabak



Hubungi CPRC Kebangsaan/Negeri/Klinik Maya untuk tindakan lanjut.

Pencegahan:

20 saat



Kerap cuci tangan dengan sabun sekurang-kurangnya 20 saat setiap basuhan



Elak menyentuh mata, hidung & mulut dengan tangan yang tidak dicuci



Cuci tangan terutamanya selepas batuk/bersin, sebelum dan selepas ke tandas, sebelum makan atau menyediakan makanan.



Duduk di rumah sekiranya anda sakit



Tutup mulut dengan tisu ketika batuk/bersin, buang tisu tersebut ke dalam tong sampah



Jangan terlambat untuk mendapatkan rawatan!

Sumber: CDC





MASAK LEMAK KETAM NANAS

BAHAN-BAHAN

- 1.5 kg ketam merah saiz sederhana (lebih kurang 10 ekor)
- 1 biji nanas madu – dihiris nipis (guna nanas biasa pun boleh, tapi pilih yang masak)
- 5 batang serai (dititik)
- ½ biji cili epal hijau (cili benggala) – dipotong memanjang
- 2 helai daun kunyit – disiat dan disimpul
- 1 kg pati santan (ambil 1 cawan pati santan dan campur 1 cawan air untuk dijadikan santan cair)
- 1 keping asam gelugor
- Garam, gula, dan serbuk perasa

BAHAN-BAHAN (DIKISAR HALUS)

- 40 gram kunyit hidup
- 1 biji bawang besar India
- 1 biji bawang besar Holland
- 3 ulas bawang putih
- 20 gram halia
- 5 biji cili padi merah
- Air secukupnya



CARA PENYEDIAAN

1. Ketam disiang dan dibasuh bersih. Masukkan ke dalam periuk bersama-sama bahan yang telah dikisar, serai, dan asam gelugor. Masukkan air sehingga paras ketam tenggelam. Masak sehingga mendidih dan ketam bertukar warna.
2. Tuangkan santan cair, kacau dan biar mendidih sekali lagi.
Masukkan nanas. Selepas nanas lembut, tuangkan pati santan dan masukkan daun kunyit. Perasakan dengan garam, gula, dan serbuk perasa jika suka. Kacau rata dan masak sehingga kuah mendidih dengan api yang sederhana. Akhir sekali masukkan cili epal hijau dan tutup api.